

SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Dua

Empat Perjalanan yang Penting untuk Memasuki Ministri Zaman dengan Mengikut Rapat Minister Zaman yang Mempunyai Visi Zaman

Bacaan Bible: 1 Raj. 18:21-40; 19:2-12; 2 Raj. 2:1-14

- I. **Elia merupakan seorang minister zaman yang mempunyai visi untuk zamaunya (bd. Mal. 4:5-6; Luk. 1:13-17, 76-80; Mat. 17:1-13; Wahi 11:3-12); dalam setiap zaman, Tuan mempunyai perkara-perkara khusus yang ingin disempurnakan-Nya; Dia mempunyai pemulihan-Nya sendiri dan kerja-Nya sendiri untuk dilakukan; pemulihan dan kerja khusus yang dilakukan-Nya dalam satu zaman ialah ministri zaman itu; bagi ministri Elia, dia perlu menjadi anti-kesaksian, dengan memberitahu bani Israel bahawa menyembah berhala ialah dosa yang bersalah terhadap Tuhan; apabila seluruh umat Israel menyembah berhala, Elia memberitahu mereka bahawa berhala yang disembah mereka merupakan tuhan-tuhan palsu, dan hanya Yehova yang merupakan Tuhan yang benar:**
- A. Nama Elia bermaksud “Tuhanku ialah Yehova”; ini membicarakan misi dan mesejnya; dia merupakan penyabda yang paling terkemuka dan paling dapat mewakili penyabda sebelum masa penawanan, dan dia seorang pejayeng.
 - B. Pada zaman Elia, seluruh Israel menyembah Baal, dan hanya Elia yang mengatakan bahawa Yehova ialah Tuhan; dia seorang penyabda yang dibangkitkan oleh Tuhan pada detik paling gelap dalam sejarah pilu Israel, sewaktu ketandusan dan kegelapan mereka adalah paling teruk; seluruh kingdom Israel terikut-ikut untuk menyembah berhala—1 Raj. 18:19.
 - C. Mereka menyembah Baal sebenarnya bererti mereka menyembah Syaitan; 2 Raja 1:2 mengatakan bahawa tuhan Ekron ialah Baal-Zebub; dalam Wasiat Baru, Beelzebul bermakna “raja lalat”, merujuk kepada Syaitan sebagai raja demon; nama ini ditukar menjadi Beelzebul oleh orang Yahudi dengan maksud menghina, yang bermakna “tuan longgokan tahi”—Mat. 10:25; 12:24, 27; Mrk. 3:22; Luk. 11:15:
 1. Sebagai tuan longgokan tahi, Syaitan khususnya memimpin lalat-lalat untuk makan tahi; disebabkan dia juga raja lalat, maka semua pendosa adalah seperti lalat yang mengikut Syaitan “makan tahi”; semua keturunan Adam yang jatuh ialah tawanan Syaitan, yang memimpin mereka untuk melakukan dosa dan menjadikan mereka “abdi dosa”—Yoh. 8:34.
 2. Kita harus mengikut teladan dutus Paulus, yang mengatakan bahawa segala sesuatu yang dahulunya menjadi keuntungan baginya, semua itu dikiranya sebagai “sampah” (keladak, sampah sarap, kotoran, makanan anjing, najis) supaya dia dapat beroleh Kristus—Flp. 3:5-8.
 - D. Ahab menimbulkan kemurkaan Yehova lebih daripada semua raja Israel yang sebelum dia; akibatnya, Tuhan membangkitkan Elia untuk mengisyiharkan bahawa bani Israel disusahi kerana penyembahan berhala dan hanya Yehova yang merupakan Tuhan—1 Raj. 16:33; 18:4, 17-18, 37:
 1. Sebagai percayawan Wasiat Baru, kita harus memberi perhatian kepada kata-kata dutus Yohanes—“Anak-anak, jagalah dirimu daripada berhala” (1 Yoh. 5:21); berhala merujuk kepada apa-apa yang menggantikan atau merupakan pengganti bagi Kristus yang merupakan Tuhan yang benar dan sejati (Yoh. 20:28-29); kita perlu melihat bahawa Yesus manusia itu ialah Tuhan sendiri (1:1-2; 5:18; 10:33; Roma 9:5; Flp. 2:6; 1 Yoh. 5:20).

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Dua (sambungan)

2. Yehova berkata kepada Yehezkiel, "Anak manusia, semua orang ini telah mendirikan berhala mereka dalam hati mereka"; berhala dalam hati kita ialah apa-apa dalam kita yang kita kasih lebih daripada Tuan dan yang menggantikan Tuan dalam kehidupan kita—Yeh. 14:3.
 3. Dalam perkataan *antikristus*, awalan *anti* dalam bahasa Yunani mempunyai dua makna utama—pertama, *anti* bermakna "menentang"; kedua, *anti* bermakna "menggantikan"; dari satu segi, menjadi antikristus bererti menentang Kristus, dan dari segi lain, menjadi antikristus bererti mempunyai sesuatu yang menggantikan Kristus—1 Yoh. 2:18-19.
 4. Kita perlu memohon kepada Tuan untuk menyelamatkan kita daripada hidup dalam prinsip antikristus, yakni prinsip menggantikan Kristus; Kristus ialah Dia yang diurapi dan juga pengurapan itu; hidup dalam prinsip antikristus bererti hidup dalam prinsip "anti-pengurapan", iaitu bersikap "anti" terhadap pergerakan, kerja, dan penepuan Tuhan Tritunggal dalam kita—ay. 20, 27.
 5. Syaitan bertujuan untuk menerima penyembahan daripada manusia dengan berselindung di sebalik pelbagai berhala dan agama (Mat. 4:8-9); di sebalik berhala tersembunyinya roh jahat dan demon kerana Syaitan berada di sebalik berhala; Bapa harus mencari penyembah kerana Syaitan cuba merampas penyembahan terhadap Tuhan (Yoh. 4:23-24; bd. 1 Yoh. 2:20, 27).
- E. Elia mewakili prinsip yang tidak mempedulikan nyawa sendiri untuk mengekalkan kesaksian Tuhan; dia adalah kuat dan berani untuk berdiri di depan raja, umat, dan empat ratus lima puluh penyabda Baal; apabila gereja menjadi tandus dan sebahagian besar percayawan bersikap suam, Tuhan membangkitkan pejayeng untuk menjadi antikesaksian, yang tidak mempedulikan nyawa mereka sendiri dan hanya mementingkan kehendak Tuhan (seperti "Antipas, saksi-Ku, orang-Ku yang setia, yang telah dibunuhi dalam kalangan kamu, di tempat Syaitan tinggal")—Wahi 2:13-14; 12:11.
- II. Yakobus 5:17 dan 18 berkata, "Elia seorang yang seperasaan dengan kita, dan dia berdoa sungguh-sungguh agar hujan tidak turun, dan hujan tidak turun ke bumi selama tiga tahun enam bulan. Lalu dia berdoa lagi, dan langit menurunkan hujan, dan bumi mencambahkan buahnya":**
- A. Elia berdoa "sungguh-sungguh" secara literal bermakna bahawa dia "berdoa dalam doa"; ini menunjukkan bahawa doa daripada Tuan telah diberikan kepada Elia, yang dalamnya dia berdoa.
 - B. Dia tidak berdoa dalam perasaan, fikiran, niat, atau perasaan hatinya, atau dalam apa juar dorongan, sama ada yang terbit daripada persekitaran ataupun keadaan, untuk memenuhi tujuannya sendiri; dia berdoa dalam doa yang diberikan oleh Tuan kepadanya bagi penyempurnaan kehendak-Nya—bd. Mzm. 27:4; Yoh. 15:7.
 - C. Di Gunung Karmel, Elia berkata kepada seluruh umat Israel dan kepada empat ratus lima puluh penyabda Baal, "Berapa lama lagi kamu melompat antara dua keputusan? Jika Yehova ialah Tuhan, ikutlah Dia; tetapi jika Baal, ikutlah dia"—1 Raj. 18:21:
 1. Elia berdoa kepada "Yehova, Tuhan Abraham, Ishak, dan Israel", dan "jatuhlah api Yehova lalu membakar habis korban bakaran dan kayu dan batu-batu dan debu, dan api itu menjilat habis air yang ada di dalam parit itu"—ay. 36-38.
 2. "Apabila seluruh umat melihat hal ini, mereka bersujud dan berkata, Yehova—Dia ialah Tuhan! Yehova—Dia ialah Tuhan!"; selepas itu, kesemua empat ratus lima puluh penyabda Baal dibunuhi—ay. 39-40.

SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Dua (sambungan)

3. Apabila Izebel mendengar hal ini, dia mengancam untuk membunuh Elia; oleh sebab Elia takut dalam kelelahannya, maka dia lari untuk menyelamatkan nyawanya; dia berjalan selama empat puluh hari dan empat puluh malam ke Horeb, yakni gunung Tuhan, dan dia masuk ke dalam sebuah gua dan bermalam di situ—19:2, 9-10.
 - D. Ketika Elia berada di atas gunung Tuhan, tiba-tiba Yehova melewati tempat itu, dan Dia tidak berada dalam angin itu, dalam gempa bumi itu, atau dalam api itu; selepas api itu, Tuhan bersabda kepada Elia dengan “suara yang lembut dan halus”; ini menunjukkan bahawa Tuhan membawa Elia memasuki zaman Wasiat Baru; dalam zaman Wasiat Baru, Tuhan bersabda kepada umat-Nya bukan melalui guruhi tetapi secara lembut dan halus—ay. 11-12; Roma 8:6b; 2 Kor. 2:13; 1 Yoh. 2:27.
 - E. Tuhan kemudian bersabda, “Aku telah meninggalkan untuk diri-Ku tujuh ribu orang di Israel, iaitu semua lutut yang belum pernah bersujud kepada Baal dan setiap mulut yang belum pernah mengucupnya” (1 Raj. 19:18; Roma 11:2-5); semua pejayeng yang setia ini merupakan orang-Nya “yang tersembunyi” (Mzm. 83:3b), dan Tuhan kita ialah “Tuhan yang menyembunyikan diri-Nya” (Yes. 45:15).
- III. Elisa mengikut Elia dari Gilgal ke Betel, dari Betel ke Yerikho, dan dari Yerikho ke Sungai Yordan menunjukkan bahawa untuk memasuki ministri zaman Wasiat Baru, kita harus mengikut minister zaman secara dalaman menurut visi zaman; untuk berbuat demikian, kita harus mengikut Tuan melalui empat tempat yang penting—2 Raj. 2:1-14:**
- A. Elia ialah tamsil bagi zaman Wasiat Lama berserta ekonomi Wasiat Lama, dan Elisa ialah tamsil bagi zaman Wasiat Baru berserta ekonomi Wasiat Baru.
 - B. Zaman berubah dengan melalui Gilgal, yakni tempat umat Tuhan disunat untuk menanggulangi tubuh daging mereka; di tempat ini, tubuh daging dihakimi dan Tuhan memberi kita cahaya untuk menghakimi tubuh daging—Yos. 5:2-9; Gal. 5:24; Flp. 3:3-8:
 1. Tubuh daging merupakan segala-gala yang kita miliki sejak kelahiran kita (Yoh. 3:6); tubuh daging ialah ekspresi kemuncak bagi manusia tripartit yang jatuh, dan Roh itu yang berada dalam roh kita ialah realisasi muktamad bagi Tuhan Tritunggal; tubuh daging yang jatuh merupakan musuh Tuhan yang paling kuat dan jahat (Roma 7:5—8:13) dan sama sekali dibenci Tuhan sepenuhnya (Kej. 6:3; 1 Kor. 2:14-16; 3:1, 3).
 2. Segala-gala yang kita miliki sejak kelahiran kita—bukan hanya dosa, ketidak-tahiran, dan kekorupan tetapi juga kebaikan, keihsanan, bakat, kesungguhan hati, kearifan, dan keupayaan alamiah—tidak diperkenan Tuhan.
 3. Menolak tubuh daging merupakan ekspresi tertinggi bagi kehidupan rohani; semua orang yang belum belajar menolak tubuh daging belum memulakan perjalanan rohani, dan mereka tidak mengenali kehidupan rohani yang sejati.
 - C. Zaman berubah dengan melalui Betel, yakni tempat melepaskan dunia dan berpaling kepada Tuhan secara mutlak, mengambil Tuhan sebagai segala-galanya; Betel merujuk kepada kemenangan atas dunia—Kej. 12:8; 1 Yoh. 2:15:
 1. Menurut Kejadian 12:8, Betel merupakan tempat Abraham membina mazbah, yakni tempat bersekutu dan berkomunikasi dengan Tuhan; Betel ialah tempat kita mempersesembahkan diri kepada Tuhan dan menjadi milik-Nya sepenuhnya untuk mengatasi dunia—13:3-4.
 2. Kemenangan atas dunia ialah syarat untuk diraptur dan menerima kudrat Roh Kudus; sekiranya percayawan betul-betul ingin dipenuhi Roh Kudus dan

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Dua (sambungan)

diraptur, dia harus membayar harga untuk membuang dunia dan belajar bersekutu dengan Tuhan di atas mazbah persembahan yang mempersempahkan segala-gala.

- D. Zaman berubah dengan melalui Yerikho; Yerikho merupakan kota pertama yang perlu ditewaskan oleh Yosua dan umat Israel ketika mereka masuk ke tanah permai, dan ini menandakan musuh Tuhan, yakni Syaitan—Yos. 6; Wahi 12:11:
1. Yosua 6 berbicara tentang jayeng atas Yerikho, yang bermaksud “dilaknat”; orang Kanaan menandakan kuasa jahat rohani dalam kesyurgaan yang disebut dalam Efesus 6:12.
 2. Syaitan ialah pemerintah dunia ini (Yoh. 14:30), dan roh-roh jahat ialah pemerintah dunia bagi kegelapan ini, yang merujuk kepada dunia hari ini; roh-roh jahat ialah malaikat-malaikat yang memberontak, yang mengikut Syaitan dalam pemberontakannya menentang Tuhan dan kini memerintah dalam kesyurgaan atas bangsa-bangsa dunia—seperti pemimpin Parsi dan pemimpin Greece (Dan. 10:20).
 3. Kita harus menjadi orang yang “memakai baju zirah lengkap Tuhan” (Ef. 6:11, 13); baju zirah lengkap Tuhan adalah untuk seluruh Tubuh Kristus, bukan untuk anggota Tubuh yang individu; kita harus berjuang dalam peperangan rohani dalam Tubuh, bukan secara individu.
 4. Jalan untuk jayeng atas dunia ialah melatih roh iktikad kita untuk percaya kepada sabda Tuhan, bertindak menurut sabda-Nya, dan percaya bahawa kita akan menerima hasilnya apabila kita melaksanakan sabda-Nya (2 Kor. 4:13; Yoh. 17:17; 6:63; Ef. 6:17-18); Yerikho roboh kerana orang Israel bergantung pada sabda Tuhan dan berdiri kukuh di kedudukan mereka; apabila Tuan digoda oleh iblis sebanyak tiga kali, Tuan memberi respons sebanyak tiga kali dengan berkata, “Ada tertulis...” (Mat. 4:4, 7, 10).
 5. Untuk jayeng atas serangan daripada roh-roh jahat, kita tidak harus mengendahkan setiap situasi dan perasaan tetapi melatih roh iktikad kita untuk percaya kepada sabda janji Tuhan; kita juga harus berdiri di kedudukan yang diberikan Kristus kepada kita, iaitu kedudukan di syurga-syurga, dan kita harus mengekalkan Syaitan dan roh-roh jahatnya di kedudukan mereka yang lebih rendah—2 Kor. 4:13; Ef. 2:6; Kol. 3:1-2.
 6. Hentar-hentar memikul Tabut di Yerikho menandakan bahawa perkara pertama yang harus kita lakukan dalam peperangan rohani ialah menjunjung Kristus, memberi-Nya tempat pertama, tempat terunggul, dalam segala sesuatu; meniup trompet dan bersorak (mengelilingi kota sebanyak tujuh kali) menandakan mempersaksi dan mengisyiharkan Tuhan berserta Kristus (Tabut) dengan percaya kepada kata-kata arahan Tuhan—Yos. 6:1-20.
- E. Zaman berubah dengan melalui Sungai Yordan; sungai ini merupakan tempat bermulanya baptisan Wasiat Baru, menandakan maut; menyeberangi Sungai Yordan bererti mengatasi maut agar hidup dan meminister dalam kebangkitan—Mat. 3:5-6; Roma 6:3-4; Gal. 2:20:
1. Baptisan Tuan menandakan maut, dan Dia keluar dari air menandakan kebangkitan; melalui kudrat kebangkitan, Tuan mengatasi maut; melalui baptisan, Dia dapat hidup dan meminister dalam kebangkitan, bahkan sebelum kematian dan kebangkitan-Nya yang sebenar tiga tahun setengah kemudian—Mat. 3:13-17.
 2. Kita beroleh Kristus sebagai hayat kebangkitan ini semasa kelahiruan kita; manusia-Tuhan, yakni Yesus, telah dipakukan di atas salib dan dibunuh menerusi

SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Dua (sambungan)

tangan orang yang tidak mengendahkan hukum, tetapi Tuhan membangkitkan-Nya, “setelah mengurai kesengsaraan maut, memandangkan mustahil bagi Dia ditahan oleh maut”—Kis. 2:23-24; Yoh. 11:25; 1 Ptr. 1:3.

3. Bergerak-hidup dalam kebaruan hayat bererti hidup dalam realiti baptisan kita (Roma 6:4); melayan dalam kebaruan roh bererti melayan dalam realiti baptisan kita (7:6).
 4. Kita harus mengejar untuk mengenali kudrat kebangkitan Kristus; melalui kudrat kebangkitan Kristus, bukannya melalui hayat alamiah kita, kita bertekad untuk mengambil salib dengan menyangkal diri dan kita dapat dikonform kepada kematian-Nya dengan menjadi satu dengan salib-Nya—Flp. 3:10-12; Mat. 16:24; Kid. 2:8-10, 14.
 5. Semasa kita bersedia untuk diraptur, kita harus belajar bagaimana menyeberangi Sungai Yordan dan mengatasi maut; kita harus belajar bagaimana melawan kuasa maut yang berada dalam kita dan dalam sekitaran kita, dan kita harus memaparkan dan memanifestasikan bahawa kita digabungkan kepada Tuan kita yang bangkit, mengenali dan mengekspresikan-Nya sebagai kudrat kebangkitan dalam segala hal—1 Kor. 6:17; 2 Kor. 1:8-9; 5:4; 3:17; bd. 4:5, 10-12.
 6. Kehidupan salib dijalani melalui kudrat kebangkitan dan didorong oleh kekayaan kebangkitan (Flp. 3:10); kata penutup bagi Kidung Agung ialah pencinta Kristus berdoa agar Kekasih-Nya akan datang segera dalam kudrat kebangkitan-Nya (gazel dan anak rusa jantan) untuk menubuhkan kingdom-Nya yang manis dan indah (gunung-gunung rempah), yang akan memenuhi seluruh bumi (8:13-14; Wahi 11:15; Dan. 2:35).
- F. Sekiranya kita ingin menerima kerapturan Elia dan dua bahagian roh dengan kudrat Roh Kudus (2 Raj. 2:9-15), kita harus melalui Gilgal, Betel, Yerikho, dan Sungai Yordan; jika kita ingin mengalami perubahan zaman Wasiat Lama ke zaman Wasiat Baru, kita harus menanggulangi tubuh daging kita (Gal. 5:24; Flp. 3:3), melepaskan dunia dan berpaling kepada Tuhan (Yak. 4:4; 1 Yoh. 2:15-17), menewaskan Syaitan (Ef. 6:10-20; Wahi 12:11), serta melalui kematian dan masuk ke dalam kehidupan yang berada dalam kebangkitan (Roma 6:3-4; Gal. 2:20).
- IV. Zaman sekarang ialah zaman pejayeng, dan ministri zaman sekarang yang dijalankan oleh minister-minister zaman sekarang ialah panggilan Tuan untuk mendapatkan para pejayeng (orang yang melihat visi keabadian, menjalani kehidupan keabadian, dan melakukan kerja keabadian—inilah ertinya melihat matlamat muktamad Tuhan serta menghidup keluar dan mengerjasilkan Yerusalem Baru); para pejayeng ini adalah demi pembinaan realiti Tubuh Kristus, persiapan pengantin Kristus, dan manifestasi kingdom Kristus; jika kita hendak memenuhi keperluan muktamad Tuhan pada hari-hari terakhir ini, kita harus berazam untuk menjadi pejayeng, yakni orang yang vital—Hak. 5:15-16, 31; Wahi 2:7, 11, 17, 26-29; 3:5-6, 12-13, 21-22.**